

11 FEB 2003

Aman-Palestin

ISU PALESTIN JADI TOPIK UTAMA PERSIDANGAN A/BANGSA AMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Tragedi Palestin, isu senjata dan bencana yang menimpa Iraq menjadi topik utama Persidangan Antarabangsa Aman Malaysia anjuran Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia) sempena Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia yang akan berlangsung Ahad ini.

Persidangan sehari itu terbahagi kepada tiga sesi yang melibatkan pembentangan kertas kerja oleh ahli panel dari dalam dan luar negara akan berlangsung di sebuah hotel di sini.

Pengerusinya Dr Shamsul Anuar berkata selain membincangkan isu Palestin, senjata dan Iraq, persidangan tersebut juga akan merumuskan resolusi yang diperolehi daripada empat persidangan dan forum yang telah diadakan sebelum ini.

"Persidangan ini adalah untuk merumuskan resolusi sebelum membentuk draf memorandum untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada sidang media mengenai persidangan itu, hari ini.

Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Belia 4B dan Pertubuhan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) sebagai membantah serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan isu pembebasan Palestin.

Beliau berkata seramai 1,000 orang peserta akan menyertai persidangan tersebut yang terdiri daripada pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai, dan dianggarkan 20 peratus penyertaan pada persidangan tersebut terdiri daripada pelajar asing yang menetap di negara ini.

Persidangan tersebut dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan penutupannya akan disempurnakan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Seramai lima orang ahli panel akan membentangkan kertas kerja masing-masing, termasuk Presiden Peradaban Dunia Dr Chandra Muzaffa, Datuk Bandar Khan Uni City Osama al-Farra dan Penasihat Undang-undang kepada Pegawai Pembebasan Rakyat Palestin Michael Tarazi.

Pada sidang media itu, sekumpulan pelajar luncur ais tempatan turut menyerahkan borang yang mengandungi 1,000 tandatangan ahli-ahli luncur ais.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai persidangan tersebut boleh datang terus ke Hotel Mandarin Oriental dan masuk adalah percuma.

Selain itu, kumpulan penyanyi remaja "7 Sequal" akan menyampaikan dua buah lagu yang bertajuk "It is a small world" dan "No matter what" dalam rentak akapela pada persidangan tersebut.

-- BERNAMA

LIB MFJ LAT